



TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEAHLIAN PERBANKAN RED CARPET (RCB)

1. Takrifan

- 1.1 Terma "**Bankasurans/Bancatakaful**" hendaklah bermaksud produk layak yang berikut yang dibeli melalui PBB atau PIBB:-
- 1.1.1 Pelan Insurans yang dirangkaikan dengan Pelaburan Premium Tunggal;
 - 1.1.2 Pelan Takaful yang dirangkaikan dengan Caruman Tunggal Patuh Syariah.
- 1.2 Terma "**Bank**" hendaklah bermaksud PBB dan PIBB mengikut mana-mana yang berkenaan dan pengganti dan penerima serah hak kedua-duanya dan mana-mana yang diterima pakai, salah satu daripadanya.
- 1.3 Terma "**Pelanggan**" hendaklah bermaksud pelanggan individu yang:-
- 1.3.1 Menyenggara akaun Deposit dengan Bank, secara berseorangan atau bersama;
 - 1.3.2 Membeli apa-apa produk Pelaburan dengan PBB; atau
 - 1.3.3 Membeli Bankasurans/Bancatakaful dengan PBB atau PIBB, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 1.4 Terma "**Akaun Deposit**" hendaklah merujuk akaun deposit Konvensional dan Islam yang berikut yang disenggara dengan Bank oleh Pelanggan:-
- 1.4.1 Akaun Semasa/Simpanan atau Akaun Semasa-i/Simpanan-i ("CASA atau CASA-i");
 - 1.4.2 Deposit Tetap/PB e-Deposit Tetap atau Deposit Bertempoh-i/PB e-Deposit Bertempoh-i;
 - 1.4.3 Deposit Tetap Mata wang Asing;
 - 1.4.4 Deposit Semasa Mata wang Asing atau Akaun Semasa-i Mata wang Asing.
- 1.5 Terma "**Akaun yang Ditetapkan**" hendaklah bermaksud Akaun Semasa/Simpanan Konvensional atau Islam yang disenggara oleh Ahli/Ahli Keluarga dengan Bank **kecuali** bagi Akaun Simpanan PB UnionPay dan Akaun Simpanan WISE, yang dipilih oleh Ahli/Ahli Keluarga untuk permohonan Kad Debit RCB Mastercard Premier, iaitu Kad Debit PB RCB Elite atau Kad Debit PB RCB Gold.
- Sekiranya Akaun yang Ditetapkan itu dipegang secara bersama oleh Ahli/Ahli Keluarga dengan orang lain, Ahli/Ahli Keluarga itu mestilah pemegang akaun utama Akaun yang Ditetapkan itu dan kaedah pengendalian bagi Akaun yang Ditetapkan itu mestilah "**salah seorang akan menandatangani**" sekiranya Ahli/Ahli Keluarga berhasrat untuk memilih Akaun yang Ditetapkan itu bagi permohonan untuk Kad Debit RCB Mastercard Premier Bank.
- 1.6 Terma "**Ahli Keluarga**" hendaklah bermaksud ahli keluarga terdekat Ahli yang meliputi suami atau isteri Ahli dan maksimum sehingga tiga (3) orang anak berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas.
- 1.7 Terma "**Pelaburan**" hendaklah bermaksud produk yang dibeli/dilabur dengan PBB:-
- 1.7.1 Dana Unit Amanah Siri PB, e-Siri Public atau Siri Public terpilih (termasuk tetapi tidak terhad pada Dana Ekuiti/Berimbang/Aset Bercampur/Bon/Pendapatan Tetap dan Pasaran Wang);
 - 1.7.2 Skim Persaraan Swasta;
 - 1.7.3 Akaun Pelaburan Emas (GIA)/e-GIA (setara dalam Ringgit Malaysia).
- 1.8 Terma "**Ahli**" hendaklah bermaksud Pelanggan yang berjaya menyertai keahlian RCB dengan Bank termasuk RCB Gold dan RCB Elite yang mana Pelanggan menerima Terma dan Syarat ini dan permohonan mereka bagi keahlian RCB telah diluluskan oleh Bank.
- 1.9 Terma "**PBB**" hendaklah bermaksud Public Bank Berhad [No. Pendaftaran Syarikat 196501000672 (6463-H)].



- 1.10 Terma “**PIBB**” hendaklah bermaksud Public Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran Syarikat 197301001433 (14328-V)].
- 1.11 Terma “**Terma dan Syarat**” hendaklah merujuk terma dan syarat ini termasuk apa-apa perubahan, pindaan, semakan semula dan/atau pengubahsuaian yang dibuat oleh Bank dari semasa ke semasa.

2. Rujukan

- 2.1 Apa-apa perkataan yang bermaksud tunggal hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya.
- 2.2 Rujukan jantina maskulin termasuk feminin dan neuter dan sebaliknya.
- 2.3 Rujukan seseorang termasuk peguam, wasi dan pentadbir orang berkenaan dan Terma dan Syarat ini akan mengikat orang berkenaan.
- 2.4 Rujukan “termasuk” atau “contohnya” atau perkataan lain seumpamanya apabila memperkenalkan suatu contoh tidak menahkakan maksud perkataan itu kepada contoh berkenaan.

3. Kriteria Kelayakan Ahli RCB

- 3.1 Permohonan untuk keahlian RCB terbuka kepada Pelanggan yang:-
- 3.1.1 Berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun semasa permohonan dibuat;
- 3.1.2 Membuka dan/atau menyenggara Akaun yang Ditetapkan dengan Bank; dan
- 3.1.3 Memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Fasal 3.2 di bawah.
- 3.2 Kriteria yang melayakkan bagi keahlian RCB adalah seperti yang berikut:-
- 3.2.1 **Keahlian RCB Elite:-**
- Pelanggan dikehendaki mengekalkan nilai/nilai aset bersih minimum sebanyak **RM1,000,000** atau yang setara dengannya dalam Ringgit Malaysia pada setiap masa dalam kombinasi yang berikut:-
- (a) Deposit teragregat dalam mana-mana atau kesemua **Akaun Deposit** individu atau bersama; dan/atau
- (b) Pelaburan; dan/atau
- (c) Bankasurans/Bancatakaful.
- 3.2.2 **Keahlian RCB Gold:-**
- Pelanggan dikehendaki memenuhi mana-mana satu (1) daripada kriteria yang berikut:-
- (a) Mengekalkan nilai/nilai aset bersih minimum sebanyak **RM300,000** atau yang setara dengannya dalam Ringgit Malaysia pada setiap masa dalam kombinasi yang berikut:-
- (i) Deposit teragregat dalam mana-mana atau kesemua **Akaun Deposit** individu atau bersama; dan/atau
- (ii) Pelaburan; dan/atau
- (iii) Bankasurans/Bancatakaful.



- (b) Mengekalkan keahlian dalam **Public Mutual Berhad Mutual Platinum/Mutual Gold Elite/Mutual Gold** dan membuat peletakan deposit permulaan untuk jumlah minimum sebanyak **RM5,000** dalam mana-mana SATU (1) **Akaun Premier ACE** mereka sama ada dipegang secara individu atau bersama dengan mana-mana orang lain yang disenggara dengan Bank untuk mula-mula menjadi ahli RCB. Dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama menjadi ahli RCB, Ahli dikehendaki memenuhi kriteria Keahlian Gold seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.2.2(a). Bagi mengelakkan keraguan, Ahli dikehendaki memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.2.2(a) untuk terus menikmati keahlian RCB bagi tahun seterusnya; **ATAU**
- (c) Mengekalkan **Pinjaman/Pembiayaan Runcit PBB/PIBB** individu atau bersama yang baharu atau sedia ada dengan amaun minimum Pinjaman/Pembiayaan yang diluluskan sebanyak **RM1,000,000** dan secara serentak membuat peletakan deposit permulaan minimum sebanyak **RM10,000** seorang dalam mana-mana SATU (1) **Akaun Premier ACE** individu atau bersama mereka semasa menjadi ahli RCB; **ATAU**
- (d) Mengekalkan deposit teragregat minimum sebanyak **RM1,000,000** dalam **Akaun Deposit** korporat atau bukan individu mereka yang disenggara dengan Bank. Maksimum seramai **tiga (3)** orang pengarah atau orang utama bagi akaun korporat atau bukan individu akan ditawarkan keahlian RCB dengan syarat mereka telah membuat peletakan deposit permulaan minimum sebanyak **RM10,000** seorang dalam mana-mana SATU (1) **Akaun Premier ACE** individu atau bersama mereka sebagai penyertaan untuk menjadi ahli RCB.

Untuk kriteria kelayakan di bawah Fasal 3.2.2(c) dan 3.2.2(d), Pelanggan perlu membuat peletakan deposit permulaan bagi jumlah minimum sebanyak **RM10,000** seorang dalam mana-mana SATU (1) **Akaun Premier ACE** mereka sama ada dipegang secara individu atau bersama dengan mana-mana orang lain yang disenggara dengan Bank untuk mula-mula menjadi ahli RCB.

Dalam tempoh dua belas bulan (12) pertama menjadi ahli RCB, Ahli dikehendaki memenuhi kriteria Keahlian RCB Gold seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.2.2(a). Bagi mengelakkan keraguan, Ahli dikehendaki memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.2.2(a) untuk terus menikmati keahlian RCB bagi tahun seterusnya.

- 3.3 Bank berhak untuk menolak permohonan untuk keahlian RCB ini tanpa memberi apa-apa sebab walaupun sekiranya Pelanggan telah memenuhi kesemua kriteria yang diterima pakai bagi permohonan untuk keahlian RCB ini.

4. Hak untuk Menaik Taraf Keahlian RCB

- 4.1 Ahli yang memegang keahlian RCB Gold boleh pada bila-bila masa meminta Bank untuk menaik taraf keahlian mereka kepada RCB Elite dengan syarat kriteria yang diterima pakai bagi RCB Elite dipatuhi dengan sewajarnya oleh Ahli.
- 4.2 Bank berhak untuk menolak permohonan mana-mana Ahli untuk menaik taraf keahlian RCB kepada RCB Elite tanpa memberi apa-apa sebab walaupun sekiranya Pelanggan telah memenuhi kesemua kriteria yang diterima pakai bagi RCB Elite.

5. Kriteria Kelayakan Keahlian RCB

- 5.1 Ahli hendaklah pada setiap masa mematuhi kriteria kelayakan keahlian RCB seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3.2.

Bank berhak untuk menolak Ahli daripada mengambil bahagian dalam mana-mana kempen/aktiviti promosi/program RCB sekiranya Ahli gagal untuk mematuhi kriteria kelayakan keahlian RCB seperti yang dikehendaki di bawah Fasal 3.2.



- 5.2 Sekiranya Ahli gagal untuk mematuhi kriteria kelayakan minimum selama enam (6) bulan berturut-turut, Bank akan meminta Ahli untuk mematuhi kriteria kelayakan keahlian RCB dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar mulai dari tarikh Bank menghubungi Ahli melalui surat, panggilan telefon atau saluran lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya. Sekiranya Ahli gagal berbuat demikian dalam tempoh masa yang ditetapkan, Bank boleh menamatkan, mengehadkan, menurun taraf dan/atau menggantung keahlian RCB Ahli dengan memberi notis bertulis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.

6. Hak untuk Menyemak

- 6.1 Bank boleh melaksanakan semakan yang kerap ke atas keahlian RCB Ahli dan kriteria kelayakan keahlian RCB tersebut.

7. Kad Debit PB RCB Mastercard Premier

- 7.1 Kad Debit PB RCB Mastercard Premier yang juga menjadi kad pengiktirafan keahlian RCB akan dikeluarkan kepada Ahli berdasarkan jenis keahlian RCB Ahli, butirannya adalah seperti yang berikut:-

Keahlian RCB	Jenis Kad Debit PB RCB Mastercard Premier
RCB Elite	Kad Debit PB RCB Elite
RCB Gold	Kad Debit PB RCB Gold

- 7.2 Kad Debit PB RCB Mastercard Premier akan dirangkaikan kepada dan dikeluarkan di bawah Akaun yang Ditentukan.
- 7.3 Kad Debit PB Lifestyle yang dipegang oleh Ahli yang dikeluarkan di bawah Akaun yang Ditentukan akan digantikan dengan Kad Debit PB RCB Mastercard Premier. Tiada caj dikenakan bagi penggantian tersebut.
- 7.4 Ahli dikehendaki mengemukakan Kad Debit PB RCB Mastercard Premier di mana-mana Pusat RCB atau cawangan untuk menikmati manfaat dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank.
- 7.5 Fi tahunan Kad Debit PB RCB Mastercard Premier dikecualikan. Bagaimanapun, Bank akan mengenakan apa-apa caj bagi penggantian Kad Debit PB RCB Mastercard Premier yang hilang atau dicuri.
- 7.6 Penggunaan Kad Debit PB RCB Mastercard Premier dikawal oleh terma dan syarat yang mengawal Kad Debit PB RCB Mastercard Premier yang boleh didapati di laman web Bank.

8. Perkhidmatan, Manfaat dan Ganjaran RCB

- 8.1 Perkhidmatan, manfaat dan ganjaran RCB yang ditawarkan mungkin berbeza di Pusat RCB atau cawangan yang berbeza. Perkhidmatan yang disediakan kepada Ahli boleh diketahui dengan menghubungi atau mengunjungi Pusat RCB atau cawangan kami.

8.2 Pengiktirafan Keluarga RCB (*RCB Family Recognition*)

- 8.2.1 Ahli berhak untuk mendapat manfaat di bawah *RCB Family Recognition* yang mana Ahli boleh membenarkan Ahli Keluarganya untuk memohon keahlian RCB Gold dengan syarat Ahli Keluarganya membuat peletakan deposit permulaan sebanyak **RM10,000** atau yang setara dengannya dalam Ringgit Malaysia dalam mana-mana SATU (1) **CASA** atau **CASA-i** individu atau bersama yang disenggara dengan Bank. Ahli Keluarga dikehendaki mengekalkan deposit minimum sebanyak RM10,000 dalam CASA atau CASA-i mereka pada setiap masa untuk menikmati keahlian RCB.

Ahli dikehendaki memberikan butir-butir Ahli Keluarga yang mungkin memohon keahlian RCB di bawah *RCB Family Recognition*. Selepas itu, Ahli Keluarga boleh memohon keahlian RCB Gold di bawah *RCB Family Recognition*.

Bank berhak untuk menolak permohonan sedemikian tanpa memberi apa-apa sebab walaupun sekiranya kesemua kriteria itu telah dipenuhi.



- 8.2.2 Bank boleh atas budi bicaranya menyemak dan/atau menamatkan keahlian RCB mana-mana Ahli Keluarga pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada Ahli dan/atau Ahli Keluarga tanpa memberi apa jua sebab.
- 8.2.3 Sekiranya Ahli Keluarga gagal untuk memenuhi kriteria kelayakan seperti yang tercatat dalam Fasal 8.2.1 untuk enam (6) bulan berturut-turut, Bank boleh memohon Ahli Keluarga dan/atau Ahli untuk menambah atau mengekalkan baki deposit teragregat minimum dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar daripada tarikh Bank menghubungi Ahli Keluarga dan/atau Ahli melalui surat, panggilan telefon atau saluran lain sebagaimana yang Bank akan tentukan atas budi bicaranya. Sekiranya Ahli Keluarga dan/atau Ahli gagal berbuat demikian dalam tempoh waktu yang ditetapkan dan baki deposit teragregat dalam Akaun Deposit Ahli Keluarga terus di bawah kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 8.2.1, Bank boleh menamatkan atau menggantung keahlian RCB Ahli Keluarga tersebut dengan memberi notis bertulis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu.
- 8.2.4 Keahlian RCB bagi mana-mana Ahli Keluarga boleh ditamatkan atau dibatalkan apabila diminta oleh Ahli.
- 8.2.5 Keahlian RCB kesemua Ahli Keluarga akan ditamatkan apabila keahlian RCB ditamatkan atau dibatalkan oleh Ahli, tidak mengira sama ada atas permintaan Ahli atau sebaliknya.
- 8.3 Bagi CASA atau CASA-i dan Akaun Mata wang Asing atau Akaun Semasa-i Mata wang Asing, apa-apa manfaat atau ganjaran yang akan ditawarkan kepada Ahli/Ahli Keluarga adalah berdasarkan budi bicara Bank.
- 8.4 Terma dan Syarat serta perkhidmatan, manfaat dan ganjaran RCB yang ditawarkan oleh Bank kepada Ahli boleh didapati dalam laman web Bank.

9. Perwakilan dan Jaminan

- 9.1 Ahli dan Ahli Keluarga mewakilkan dan menjamin bahawa:-
- 9.1.1 Mereka mempunyai kapasiti guaman dan kebenaran penuh untuk memberi kesemua arahan berkaitan dengan keahlian RCB dan untuk menerima Terma dan Syarat ini; dan
- 9.1.2 Kesemua maklumat yang diberi oleh Ahli dan Ahli Keluarga kepada Bank berkaitan dengan keahlian RCB tidak mengandungi kenyataan yang tidak benar atau mengelirukan atau sengaja ditinggalkan bagi menyatakan fakta tertentu.
- 9.2 Perwakilan dan jaminan di atas dianggap sebagai diulangi apabila Ahli dan/atau Ahli Keluarga memberi arahan berkenaan dengan keahlian RCB termasuk semasa permohonan Ahli dan/atau Ahli Keluarga untuk menjadi ahli RCB.

10. Penamatan/Pembatalan Keahlian RCB

- 10.1 Bank berhak untuk menangguhkan, menggantung dan/atau menamatkan keahlian RCB dan/atau Ahli Keluarga apabila berlaku salah satu peristiwa yang berikut:-
- 10.1.1 Sekiranya Ahli dan/atau Ahli Keluarga gagal untuk memenuhi kriteria kelayakan atau keperluan seperti yang ditetapkan oleh Bank dalam Terma dan Syarat atau seperti yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa; atau
- 10.1.2 Sekiranya Ahli dan/atau Ahli Keluarga memungkiri atau mengugut untuk memungkiri mana-mana Terma dan Syarat; atau
- 10.1.3 Sekiranya Ahli dan/atau Ahli Keluarga menyebabkan peristiwa kemungkiran, peristiwa penamatan atau apa-apa peristiwa yang boleh menyebabkan penamatan/penggantungan/pembatalan atau pembayaran pinjaman dipercepatkan bagi apa-apa pinjaman/pembiayaan/kemudahan yang diberi oleh Bank atau mana-mana institusi kewangan lain; atau
- 10.1.4 Sekiranya Ahli dan/atau Ahli Keluarga meninggal dunia atau menjadi hilang akal; atau
- 10.1.5 Sekiranya Ahli dan/atau Ahli Keluarga mempunyai hukuman penjara yang telah dijatuhi ke atasnya atau berhadapan dengan petisyen kebangkrutan atau telah diisytiharkan bankrap; atau



- 10.1.6 Sekiranya terdapat perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang menyebabkan Bank tidak dapat meneruskan untuk memberi keahlian RCB dan/atau *RCB Family Recognition* kepada Ahli dan/atau Ahli Keluarga; atau
- 10.1.7 Sekiranya Ahli dan/atau Ahli Keluarga menyalahgunakan ganjaran dan manfaat yang diberikan oleh Bank di bawah keahlian RCB dan/atau *RCB Family Recognition*; atau
- 10.1.8 Sekiranya Bank berpendapat bahawa pemberian keahlian RCB dan/atau *RCB Family Recognition* akan menjejaskan kepentingan atau reputasi Bank; atau
- 10.1.9 Sekiranya terdapat apa-apa siasatan oleh polis, pihak berkuasa atau pengawal selia yang akan, sedang atau diancam untuk diambil terhadap Ahli dan/atau Ahli Keluarga; atau
- 10.1.10 Sekiranya terdapat laporan terhadap Ahli dan/atau Ahli Keluarga di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; atau
- 10.1.11 Sekiranya apa-apa siasatan akan atau sedang dibuat oleh Bank ke atas Ahli dan/atau Ahli Keluarga, Akaun Deposit dan/atau apa-apa urusan niaga berkaitan dengan Akaun Deposit.
- 10.2 Ahli boleh memilih untuk menamatkan atau membatalkan keahlian RCB dengan memberi notis bertulis kepada Bank.
- 10.3 Apabila keahlian RCB ditamatkan atau dibatalkan, Ahli dan Ahli Keluarga dikehendaki menyerahkan Kad Debit PB RCB Mastercard Premier kepada Bank dan Ahli dan Ahli Keluarga hendaklah berhenti daripada menggunakan perkhidmatan, manfaat dan/atau ganjaran yang diperoleh melalui RCB.

11. Perkhidmatan Pemberian Arahan melalui Telefon (Boleh didapati di Pusat RCB sahaja)

- 11.1 Tertakluk pada terma yang dinyatakan dalam fasal ini, Ahli boleh memberi arahan untuk urusan niaga yang dinyatakan dalam Fasal 11.2 melalui telefon di Pusat RCB di mana akaun tersebut disenggara ("arahan melalui telefon"). Ahli mesti mengekalkan sekurang-kurangnya satu **Akaun Deposit** di cawangan terdapatnya Pusat RCB untuk menikmati perkhidmatan ini. Ahli boleh merujuk laman web Bank untuk mengetahui mengenai Pusat RCB Bank.
- 11.2 Arahan melalui telefon hanya diterima pakai dan terhad pada urusan niaga yang dilaksanakan menggunakan **akaun pihak pertama** yang disenggara dengan cawangan di mana terdapatnya Pusat RCB:-
 - 11.2.1 Permohonan untuk Cek Jurubank/Draf Permintaan Asing
 - 11.2.2 Peletakan atau pembaharuan Deposit Tetap/Deposit Bertempoh-i
 - 11.2.3 Permohonan untuk Buku Cek
 - 11.2.4 Permohonan untuk Penyata Bank
 - 11.2.5 Pembaharuan Peti Simpan Selamat
 - 11.2.6 Pindahan dana kepada/daripada CASA atau CASA-i
 - Untuk akaun bersama, pemberian kuasa bagi urusan niaga akaun tertakluk pada kaedah pengendalian akaun tersebut.
- 11.3 Ahli memberi kuasa kepada Bank untuk menyifatkan dan menganggap apa-apa arahan yang diterima melalui telefon yang menyebut nombor Akaun yang Ditentukan atau Kad Debit PB RCB Mastercard Premier sebagai sah dan mengikat ke atas Ahli dan kesemua pemegang akaun bagi Akaun yang Ditentukan itu. Ahli mengesahkan bahawa pemberian maklumat tersebut adalah mencukupi sebagai bukti sah arahan berkenaan.
- 11.4 Ahli mengakui risiko bawaan yang berkaitan dengan arahan telefon tersebut dan bersetuju untuk menerima kesemua risiko bawaan berkenaan.



- 11.5 Bank boleh membuat keputusan untuk tidak melaksanakan apa-apa arahan melalui telefon sekiranya Bank mempunyai sebab untuk meragui kesahannya, sekiranya arahan tersebut tidak mengikut mandat, atau jika Bank berpendapat bentuk urus niaga atau pengaturannya atau amaun wang yang terlibat itu adalah kabur, tidak jelas dan menyalahi undang-undang.
- 11.6 Berkenaan dengan arahan melalui telefon yang dinyatakan dalam Fasal 11.2, Ahli dikehendaki mengesahkan secara bertulis mengenai arahan melalui telefon itu dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dengan mengemukakan "Borang Arahan Melalui Telefon" atau borang lain seumpamanya seperti yang dikehendaki oleh Bank dari semasa ke semasa yang mana sesalinan borang itu boleh diberi melalui faksimile atau kaedah elektronik lain yang boleh diterima oleh Bank, jika tidak, Bank boleh menganggap arahan telefon itu sebagai luput atau sekiranya Bank telah melaksanakan arahan melalui telefon itu, Bank dibenarkan untuk mengambil tindakan yang perlu untuk mengembalikan kedudukan asalnya seolah-olah arahan melalui telefon itu tidak diberikan kepada Bank termasuk tetapi tidak terhad pada pelaksanaan kebalikan, pendebitan dan/atau pengkreditan dalam mana-mana akaun atau akaun yang terlibat milik Ahli/Ahli Keluarga ("Akta Pemulihan"). Ahli/Ahli Keluarga bersetuju untuk menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi pada setiap masa bagi apa-apa kerosakan, kerugian, tuntutan, prosiding, permintaan, kos (termasuk tetapi tidak terhad pada kos guaman), caj, perbelanjaan yang mungkin ditanggung atau dialami oleh atau yang telah dimulakan atau diambil terhadap Bank berikutan daripada atau yang berkaitan dengan tindakan yang perlu diambil oleh Bank untuk melaksanakan Akta Pemulihan tersebut.
- 11.7 Sekiranya Ahli terus gagal atau tidak dapat memberi kepada Bank "Borang Kebenaran Arahan Melalui Telefon" yang lengkap dan ditandatangani dengan sewajarnya atau borang lain seumpamanya seperti yang dikehendaki oleh Bank dari semasa ke semasa dalam takat masa yang ditentukan, Bank boleh membuat keputusan untuk tidak mengikut arahan berikutnya yang dibuat melalui telefon.
- 11.8 Ahli memberi kebenaran tanpa boleh batal dan tanpa syarat kepada Bank untuk merakamkan panggilan telefon antara Bank dengan Ahli dan arahan yang diberi oleh Ahli kepada Bank. Bagaimanapun, kebenaran dan keizinan itu tidak menjadi kewajipan Bank untuk merakamkan setiap panggilan telefon. Bank mungkin memilih untuk tidak merakam panggilan telefon berkenaan sekiranya Bank tidak mahu berbuat demikian.
- 11.9 Apa-apa rakaman hendaklah menjadi bukti konklusif arahan yang diberi dan mengikat ke atas Ahli dan kesemua pemegang akaun bagi Akaun yang Ditentukan itu.
- 11.10 Ahli bersetuju bahawa beliau akan menanggung rugi Bank dan mengelakkan Bank pada setiap masa daripada kesemua kerugian, tuntutan, prosiding, permintaan, ganti rugi, caj, kos dan perbelanjaan bagaimana sekali pun dialami atau ditanggung oleh Bank atau yang telah dimulakan atau diambil terhadap Bank daripada atau yang berkaitan dengan arahan melalui telefon kecuali ia disebabkan oleh kemungkinan yang disengajakan atau kecuaiannya melampau oleh pihak Bank.
- 11.11 Ahli Keluarga yang diberi keahlian RCB di bawah *RCB Family Recognition* layak untuk mendapat manfaat seperti yang dinyatakan dalam Fasal 11, justeru kesemua subfasal di bawah Fasal 11 akan dirujuk sebagai "Ahli Keluarga" bagi tujuan berkenaan. Apa-apa rujukan kepada Ahli dalam Fasal 11 hendaklah dirujuk sebagai "Ahli Keluarga" bagi tujuan berkenaan.

12. Pengehadan Liabiliti dan Indemniti

- 12.1 Ahli dan/atau Ahli Keluarga hendaklah bertanggungjawab bagi dan akan menanggung rugi Bank sepenuhnya dan mengelakkan Bank daripada kesemua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, ganti rugi, caj, kos dan perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Ahli/Ahli Keluarga atau Bank atau dimulakan atau diambil terhadap Ahli/Ahli Keluarga atau Bank:-
- 12.1.1 Berkenaan dengan apa-apa atau kesemua akaun deposit dan pelaburan Ahli dan/atau Ahli Keluarga apa jua sekali pun arahan yang dilaksanakan oleh Bank (tanpa mengira walaupun arahan tersebut mungkin suatu penipuan atau tidak dibenarkan); atau
- 12.1.2 Disebabkan oleh mana-mana akaun deposit Ahli dan/atau Ahli Keluarga, pelaburannya atau mana-mana bahagian daripadanya dikurangkan atau dibekukan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa rasmi.
- 12.2 Bank tidak akan, pada bila-bila masa sekali pun, bertanggungjawab bagi apa-apa atau kesemua kerugian, kos dan perbelanjaan yang mungkin dialami oleh Bank disebabkan oleh turun naik dalam kadar pertukaran asing.



- 12.3 Ahli dan/atau Ahli Keluarga akan menanggung rugi Bank sepenuhnya daripada kesemua kerugian, tuntutan, permintaan, prosiding, ganti rugi, caj, kos dan perbelanjaan yang mungkin dialami oleh Ahli/Ahli Keluarga atau Bank atau dimulakan atau diambil terhadap Ahli/Ahli Keluarga atau Bank berkaitan kejadian sekiranya kedua-dua produk Konvensional dan Islam diambil serentak dengan keahlian RCB tersebut. Kejadian sedemikian adalah atas pilihan Ahli dan Ahli Keluarga untuk melakukannya, dan tidak merupakan peristiwa jualan silang produk Konvensional dengan produk Islam oleh Bank.
- 12.4 Ahli dan Ahli Keluarga membenarkan Bank untuk mendebitkan mana-mana atau kesemua akaun deposit Ahli dan Ahli Keluarga dengan Bank bagi amaun kerugian, ganti rugi, caj, kos atau perbelanjaan seperti dalam Fasal 12.

13. Notis dan Keizinan Perlindungan Data

- 13.1 Ahli dan Ahli Keluarga maklum bahawa notis privasi Bank ("Notis Privasi") mengenai pengumpulan, penggunaan, penyimpanan dan perkongsian maklumat peribadi berkaitan dengan data peribadinya boleh didapati melalui laman web Bank dan mana-mana cawangan Bank dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Bank. Ahli dan Ahli Keluarga bersetuju bahawa kandungan Notis Privasi itu akan dianggap sebagai telah digabungkan dengan merujuk Terma dan Syarat ini.
- 13.2 Ahli dan Ahli Keluarga maklum mengenai hasrat Bank untuk memaklumkan kepada Ahli dan Ahli Keluarga tentang maklumat, pengumuman dan berita penting mengenai produk dan perkhidmatannya termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran Bank dan rakan sekutunya. Senarai rakan sekutu Bank dinyatakan dalam Notis Privasi Bank.
- 13.3 Ahli dan Ahli Keluarga maklum bahawa mereka layak untuk mendapat akses kepada dan meminta untuk dibuat pembetulan pada apa-apa maklumat peribadi yang disimpan oleh Bank dan permintaan tersebut boleh dibuat secara bertulis kepada Bank di cawangan pemegang akaun Ahli atau dengan menghantarnya ke Jabatan Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 13, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
- 13.4 Ahli dan Ahli Keluarga boleh memberi keizinan untuk menerima tawaran promosi dan bahan pemasaran daripada Bank. Yang berikut akan hanya dihantar kepada Ahli dan Ahli Keluarga yang telah memberikan keizinan mereka:-
- 13.4.1 Tawaran promosi am tentang produk dan perkhidmatan, dan
- 13.4.2 Tawaran promosi eksklusif tentang produk dan perkhidmatan untuk Ahli.
- 13.5 Ahli dan Ahli Keluarga boleh pada bila-bila masa memberi keizinan atau membatalkan keizinannya untuk menerima tawaran promosi dan bahan pemasaran daripada Bank melalui Mesin Teler Automatik (ATM) Bank atau dengan mengunjungi mana-mana cawangan Bank untuk mermbuat pengemaskinian tersebut.

14. Terma dan Syarat yang Mengawal Produk Layak yang Berkaitan

- 14.1 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat yang mengawal produk layak yang berkaitan dan/atau perkhidmatan yang diberi oleh Bank kepada Ahli dan/atau Ahli Keluarga ("Terma Lain"). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Terma Lain, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi perkara berkaitan dengan keahlian RCB.

15. Dasar Antisogokan dan Antirasuah Bank

- 15.1 Bank telah melaksanakan Dasar Antisogokan dan Antirasuah ("Dasar ABAC") yang menerima pakai "pendekatan toleransi sifar" terhadap apa juga bentuk sogokan dan rasuah dalam menjalankan perniagaannya. Untuk maklumat lanjut mengenai Dasar ABAC ini, Ahli dan/atau Ahli Keluarga dinasihatkan agar melayari laman web Bank.
- 15.2 Ahli dan/atau Ahli Keluarga hendaklah memastikan Dasar ABAC dipatuhi pada setiap masa dan tidak terlibat dengan apa-apa perlakuan sogokan atau rasuah yang boleh dianggap bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("Akta SPRM"), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula kepada Akta SPRM berkenaan.



- 15.3 Bank berhak untuk menamatkan keahlian RCB Ahli dan/atau Ahli Keluarga sekiranya Ahli dan/atau Ahli Keluarga didapati melanggar Dasar ABAC atau didapati terlibat dengan apa-apa amalan sogokan atau rasuah.

16. Perubahan Terma dan Syarat

- 16.1 Bank boleh meminda, memotong dan/atau menambah mana-mana bahagian Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Ahli dan Ahli Keluarga melalui penerbitan atau makluman melalui laman web Bank, di mana-mana cawangan Bank atau melalui saluran yang diluluskan. Pindaan, pemotongan atau penambahan itu akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan dalam penerbitan dan makluman tersebut.

17. Penepian

- 17.1 Tiada kegagalan atau penanguhan di pihak Bank dalam melaksanakan atau meninggalkan untuk melaksanakan apa-apa hak, kuasa, ganjaran atau remedi yang ada dalam Terma dan Syarat ini akan dianggap sebagai penepian oleh Bank untuk melaksanakan hak, kuasa, ganjaran atau remedi tersebut. Bank mengekalkan haknya pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan dengan ketat atau menegaskan haknya berkaitan dengan pelanggaran tersebut atau pelanggaran berikutnya oleh Ahli dan/atau Ahli Keluarga.

18. Keberasingan

- 18.1 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini menjadi tidak sah, haram atau tidak boleh dikuatkuasakan, fasal yang tidak sah, haram atau tidak boleh dikuatkuasakan itu hendaklah dianggap sebagai tidak dimasukkan dalam Terma dan Syarat ini dan baki Terma dan Syarat ini akan diteruskan sebagai efektif dan dikuatkuasakan dan tidak akan terjejas dalam apa jua cara oleh fasal yang tidak sah, haram atau tidak boleh dikuatkuasakan.

19. Force Majeure

- 19.1 Sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan kewajibannya di bawah Terma dan Syarat ini oleh sebab di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad pada:-

- 19.1.1 Apa-apa kerosakan atau kegagalan peralatan, sistem atau pautan transmisi;
- 19.1.2 Apa-apa kebakaran, gempa bumi, banjir, letupan, tindakan jenayah, bencana alam, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan keluar, pertikaian buruh, embargo, rusuhan, gangguan sivil, tsunami;
- 19.1.3 Apa-apa kegagalan atau gangguan kepada telekomunikasi, internet, bekalan elektrik, air dan minyak; atau
- 19.1.4 Apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa luar jangka yang menghalang Bank daripada melaksanakan kewajibannya di bawah Terma dan Syarat ini;

Bank tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab terhadap apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang Ahli dan/atau Ahli Keluarga mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

20. Penyerahhakan

- 20.1 Ahli dan Ahli Keluarga tidak boleh menyerahkan hak dan/atau memindahkan mana-mana hak dan tanggungjawabnya/mereka di bawah Terma dan Syarat ini.
- 20.2 Bank boleh menyerahkan hak dan/atau memindahkan kesemua atau mana-mana hak, hak milik, kepentingan dan tanggungjawabnya di bawah Terma dan Syarat ini kepada mana-mana orang yang Bank menganggap wajar.



21. Undang-undang dan Bidang Kuasa

- 21.1 Terma dan Syarat ini dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Ahli tanpa boleh batal perlu mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia. Ahli bersetuju untuk menyetepikan apa-apa bantahan atas alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa atau alasan yang lain.

22. Bakal Pengganti

- 22.1 Terma dan Syarat ini akan mengikat ke atas waris, wakil peribadi, wasi dan pengganti serah hak Ahli dan Ahli Keluarganya serta ke atas pengganti dan penerima serah hak Bank.

Saya mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.

Tandatangan Pelanggan

Nama: _____

No. MyKad/Pasport: _____

Tarikh: _____

Untuk Kegunaan Bank Sahaja		
Cawangan Permohonan dibuat	:	
Nama Pegawai Bank	:	
ID Kakitangan	:	
Jawatan	:	
Disaksikan dan Dilayani oleh:		
<p>_____</p> <p>Tandatangan dan Cap Pegawai Bank</p> <p>Tarikh:</p>		